



**1. PENOLONG PENGGERAK JENTERA TURBINE  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
D.3 EB.4 (\$900 - \$1,465 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=3**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Elektrik / Mekanik atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik sebagai Atendan Alatan Pembantu / Penolong Penggerak Jentera Diesel / Penolong Atendan Switchboard atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang 3 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang 4 tahun.

2. Pernah mengikut dan lulus kursus yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik jangka pendek di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal Peringkat pertama dan kedua adalah keutamaan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PENGGERAK JENTERA TURBINE :**

1. Bertanggungjawab kepada Penggerak Jentera Turbine dalam mengawasi kesempurnaan pengendalian operasi Gas Turbine serta peralatan bawahannya.
2. Memahami, mengambil dan memasukkan pembacaan semua jangka dan alat pengukur meter-meter yang terdapat di Gas Turbine.
3. Akan ditugaskan dalam kerja bergilir-gilir (shift-duty), di Bahagian Janakuasa Gadong 'Extension', Janakuasa Gadong, Janakuasa Bukit Panggal, Tutong atau Janakuasa Lumut.